

14 FEB 2003

Mahathir-Jambatan

M'SIA TERUSKAN PEMBINAAN JAMBATAN GANTIKAN TAMBAK JOHOR

JOHOR BAHRU, 14 Feb (Bernama) -- Walaupun tidak mendapat kerjasama Singapura, Malaysia akan meneruskan pembinaan sebuah jambatan bergerak setinggi sekurang-kurangnya 25 meter bagi menggantikan Tambak Johor di sebelah Johor, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata rancangan pembinaan jambatan yang berbentuk agak unik itu sudah dimaklumkan kepada Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew pada satu perbincangan antara mereka tidak lama dulu.

"Saya sudah cakap secara private (persendirian) dengan Lee Kuan Yew tentang hasrat untuk menggantikan Tambak Johor dengan jambatan yang tinggi supaya dapat kapal-kapal belayar di bawahnya.

"Saya dah tunjukkan jambatan yang begitu indah yang telah direka oleh Gerbang Perdana," katanya ketika berucap pada majlis muhibah bersama rakyat sempena upacara pecah tanah projek Gerbang Selatan Bersepadu dan projek perumahan rakyat di sini.

Gerbang Perdana ialah syarikat pemaju projek Pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di Tanjung Puteri.

Dr Mahathir berkata beliau telah menunjukkan pelan serta lukisan jambatan bergerak itu yang menurutnya amat dikagumi oleh Lee.

Perdana Menteri berkata Lee berkenan dengan projek itu dan ini meyakinkan beliau bahawa projek itu akan mendapat kerjasama Singapura.

Bagaimanapun selepas itu, katanya, beliau diberitahu oleh Lee bahawa Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong tidak menyetujuinya.

"Kerana beliau ada nostalgia tentang Tambak Johor. Dia (Lee) kata kita (Malaysia dan Singapura) buatlah jambatan itu selepas Goh Chok Tong bersara. Ini dia (Lee) cerita kepada saya," katanya disambut gelak ketawa ribuan hadirin.

Dr Mahathir berkata bahawa berikutan itu, beliau memberitahu Lee walaupun tidak mendapat kerjasama Singapura, Malaysia akan membina jambatan itu di sebelah Johor dulu.

"Kita tak boleh tunggu, kita kena buat dulu, kalau dia tak nak buat bahagian dia, kita buat sebelah kita," katanya sambil menjelaskan bahawa jumlah kenderaan yang menggunakan Tambak Johor kini semakin meningkat walaupun Laluan Kedua Malaysia-Singapura (Linkedua) dibina sebagai laluan alternatif bagi menghubungkan kedua-dua negara.

Dr Mahathir berkata jambatan baru itu mempunyai rekabentuk yang agak pelik kerana jambatan yang sepatutnya dibina lurus, terpaksa dilencongkan sedikit, bagi membolehkan kenderaan melaluinya tanpa masalah memandangkan jarak Tambak Johor di sebelah Johor agak pendek.

Dengan terbinanya jambatan baru itu juga, air di Selat Tebrau yang selama ini tersekat sejak wujudnya Tambak Johor hampir 80 tahun lepas, dapat dialirkan ke sebelah timur dan barat, selain membenarkan air dari Selat Melaka mengalir dengan bebas secara semulajadi, katanya.

Pada majlis itu, hampir 10,000 orang hadir bagi mendengar ucapan Perdana Menteri dan ramai yang mengambil peluang pada majlis itu bersalaman dengan beliau dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali serta para pemimpin lain.

Dr Mahathir berkata beliau mendedahkan perbincangan empat mata dengan Lee itu supaya Malaysia tidak disalah anggap tidak memberitahu Singapura rancangannya dan tidak boleh bekerjasama dengan republik itu dalam hal berkenaan.

"Biasanya saya tak ceritakan kepada orang (apa yang dibincangkan secara

empat mata) tapi saya terpaksa ceritalah sebab surat saya pun orang dah siar...supaya orang tak kata, tengok Malaysia... buat projek tak bagi tahu kita," katanya.

(Beliau merujuk kepada surat-surat sulit mengenai perbincangan air yang didedahkan Singapura baru-baru ini)

Dr Mahathir yang kelihatan begitu ceria dengan sambutan hangat yang diberikan oleh penduduk bandaraya ini, berkata beliau juga mempunyai banyak kenangan manis mengenai Tambak Johor, yang menjadi laluan menunggang motosikal dengan Dr Siti Hasmah dari republik itu ke sini.

Katanya ketika belajar di republik itu dari tahun 1947 hingga 1952, beliau kerap ke Johor Baharu untuk berasa lebih lega kerana ketika itu bandar Singapura sudah pun sesak.

Ketika bercakap pada sidang media selepas itu, Perdana Menteri berkata keseluruhan projek Gerbang Selatan Bersepadu, yang bakal mengubah wajah Johor Baharu sebagai pintu masuk selatan tanahair, menelan belanja kira-kira RM2 bilion.

Menurut maklumat syarikat pemaaju projek itu, Gerbang Perdana Sdn Bhd, semua komponen projek Gerbang Selatan Bersepadu itu dijangka siap pada 2007 tetapi kompleks CIQ dan perumahan rakyat dijangka siap lebih awal dalam tempoh 34 bulan.

Sebelum itu, ketika melakukan upacara pecah tanah projek berkenaan, Dr Mahathir kelihatan terharu apabila selepas bom-bom asap dilepaskan, sederet lori pengangkut pasir menjuakkan belakang lori masing-masing untuk memaparkan huruf-huruf yang membentuk perkataan "PERJUANGANMU KAMI TERUSKAN".

-- BERNAMA  
MNY RAM RON